



30 Disember 2011
30 December 2011
P.U. (A) 434

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH (PENGEQUALIAN) 2011

REAL PROPERTY GAINS TAX (EXEMPTION) ORDER 2011



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH 1976

PERINTAH CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH (PENGECCUALIAN) 2011

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 9(3) Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 [*Akta 169*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Keuntungan Harta Tanah (Pengeccualian) 2011**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2012.

Pengeccualian

2. (1) Menteri mengeccualikan mana-mana orang daripada pemakaian Jadual 5 Akta bagi pembayaran cukai ke atas keuntungan yang boleh dikenakan cukai berkenaan dengan apa-apa pelupusan aset yang boleh dikenakan cukai pada atau selepas 1 Januari 2012 dengan syarat bahawa amaun keuntungan yang boleh dikenakan cukai itu hendaklah ditentukan mengikut formula yang berikut:

$$\frac{A}{B} \times C$$

B

iaitu—

(a) pelupusan dibuat dalam tempoh dua tahun selepas tarikh pemerolehan aset yang boleh dikenakan cukai iaitu—

A ialah amaun cukai yang dikenakan ke atas keuntungan yang boleh dikenakan cukai ke atas orang itu mengikut kadar cukai yang berkenaan yang dikurangkan sebanyak amaun cukai yang

dikenakan ke atas keuntungan yang boleh dikenakan cukai itu pada kadar sepuluh peratus;

B ialah amaun cukai yang dikenakan ke atas keuntungan yang boleh dikenakan cukai itu mengikut kadar cukai yang berkenaan; dan

C ialah amaun keuntungan yang boleh dikenakan cukai itu; atau

(b) pelupusan dibuat dalam tahun ketiga, tahun keempat atau tahun kelima selepas tarikh pemerolehan aset yang boleh dikenakan cukai iaitu—

A ialah amaun cukai yang dikenakan ke atas keuntungan yang boleh dikenakan cukai ke atas orang itu mengikut kadar cukai yang berkenaan yang dikurangkan sebanyak amaun cukai yang dikenakan ke atas keuntungan yang boleh dikenakan cukai itu pada kadar lima peratus;

B ialah amaun cukai yang dikenakan ke atas keuntungan yang boleh dikenakan cukai itu mengikut kadar cukai yang berkenaan; dan

C ialah amaun keuntungan yang boleh dikenakan cukai itu.

(2) Jika pelupusan aset yang boleh dikenakan cukai itu dibuat dalam tahun keenam selepas tarikh pemerolehan aset yang boleh dikenakan cukai atau mana-mana tahun selepas itu, Menteri mengecualikan mana-mana orang daripada pemakaian Jadual 5 Akta bagi pembayaran cukai ke atas keuntungan yang boleh dikenakan cukai berkenaan dengan pelupusan aset yang boleh dikenakan cukai itu pada atau selepas 1 Januari 2012.

(3) Tiada apa-apa jua dalam perenggan ini boleh melepaskan atau disifatkan telah melepaskan orang yang dikecualikan itu daripada mematuhi apa-apa kehendak